

PENELITIAN ELEMEN KEMAHIRAN INSANIAH DALAM CHEYYULPAKKAL: KAJIAN DALAM BUKU TEKS BAHASA TAMIL TAHUN ENAM

Nevaashini Kirisna Murty¹, Maniyarasan Muniandy²

nevaakirisnamurty@gmail.com¹

Jabatan Pengajian Tamil, Institut Pendidikan Guru Kampus Tuanku Bainun

Abstrak

Murid perlu menguasai kemahiran insaniah seperti kognitif, interpersonal, komunikasi, digital, numerasi, kepimpinan-autonomi-tanggungjawab, personal, keusahawanan, dan etika-nilai-profesionalisme. Masih belum ada penerokaan baharu berkaitan kemahiran insaniah dalam bahasa Tamil. Ini merupakan masalah kajian serta lompong yang terdapat dalam kajian ini. Objektif kajian ini adalah untuk meneliti kemahiran insaniah yang terkandung dalam cheyyulpaakkal yang terkandung dalam Buku Teks Bahasa Tamil Tahun Enam SJKT menerusi pendekatan deskriptif dengan mengaplikasikan kaedah analisis dokumen dan temu bual. Kesemua cheyyulpaakkal telah dibaca dan dianalisis secara terperinci menerusi senarai semak berpandukan Buku Panduan Kemahiran Insaniah IPGM (edisi kemaskini 2022) dan teori rangsangan dan tindak balas yang dipelopori Edward Thorndike (1898-1905). Data temu bual yang diperoleh menerusi dua orang guru pakar berkaitan elemen insaniah dianalisis dengan perisian Atlas.Ti sebagai langkah triangulasi. Hasil kajian menunjukkan bahawa thirukkural memiliki kemahiran interpersonal sebanyak 28.57% manakala vetri vetkai sebanyak 42.87%. Thirukkural memuatkan kemahiran komunikasi 28.57% iaitu kepimpinan-autonomi-tanggungjawab dan 100% dalam nanneri. Kemahiran etika-nilai-profesionalisme sebanyak 14.29 dalam thirukkural 33.33% dalam vetrivetkai, 100% dalam tiruvarutpaa, 100% dalam muuturai dan akhirnya kemahiran kognitif sebanyak 28.57% dalam thirukkural. Dapatan kajian ini berpotensi memberi manfaat kepada Bahagian Buku Teks, KPM, syarikat penerbitan Buku Teks bahasa Tamil, para guru dan murid.

Kata kunci: kemahiran insaniah, teori rangsangan dan tindak balas, kaedah deskriptif

Abstract

Students are required to master soft skills in line with current educational policies that emphasise competencies such as cognitive, interpersonal, communication, digital, numeracy, leadership–autonomy–responsibility, personal, entrepreneurial, and ethical–value–professionalism skills. However, a review of the literature shows a lack of new research on soft skills within the Tamil language context, particularly in the Tamil Language Textbook used in SJKT schools. This gap forms the research problem of the present study. The objective of this research is to examine the soft skills embedded in the cheyyulpaakkal component of the Year Six SJKT Tamil Language Textbook using a descriptive approach. Document analysis and expert-validated interviews were employed as research instruments. All cheyyulpaakkal were analysed using a checklist based on the IPGM soft skills framework and Thorndike’s Stimulus–Response Theory (1898–1905). Interview data from two expert teachers were analysed using Atlas.ti as part of triangulation to strengthen the study’s reliability and validity. Findings indicate that Thirukkural contains 28.57% interpersonal skills, while Vetri Vetkai shows 42.87%. Communication skills appear at 28.57% in Thirukkural, and leadership–autonomy–responsibility skills are fully represented 100% in Nanneri. Ethical–value–professionalism skills were also prominent across several texts. These findings have implications for the Textbook Division of the Ministry of Education, textbook publishers, teachers, and students.

Keywords: soft skills, qualitative research, stimulus–response theory, descriptive method, manual method

PENGENALAN

Kehidupan berdasarkan insaniah akan membentuk manusia yang sempurna. Melihat hakikat ini, Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) juga menekankan elemen-elemen insaniah ini dalam sistem pendidikan negara. Fikri (2019) menyatakan bahawa kemahiran insaniah yang diterapkan dalam kurikulum KPM terutamanya dalam buku teks berupaya membentuk sahsiah dan minda murid secara holistik. Sehubungan dengan perkara ini, Ahmad Anuar & Esa (2010) berpendapat bahawa murid-murid perlu menguasai kemahiran berfikir kritis dan kreatif, kebolehan menyesuaikan diri dengan persekitaran serta ketahanan minda. Menurutnya, penguasaan kemahiran insaniah ini menjadi suatu keperluan yang penting dalam bidang pendidikan.

Pada umumnya, kemahiran insaniah merangkumi sembilan komponen iaitu kemahiran kognitif, kemahiran interpersonal, kemahiran komunikasi, kemahiran digital, kemahiran numerasi, kemahiran kepimpinan–autonomi–tanggungjawab, kemahiran personal, kemahiran keusahawanan, serta kemahiran etika–nilai–profesionalisme (Buku Panduan Insaniah IPGM, 2022). Menurut buku tersebut, kemahiran kognitif berperanan membangunkan keupayaan murid berfikir secara kritis dan kreatif, menganalisis maklumat, menyelesaikan masalah secara inovatif, serta mengaplikasikan pengetahuan dalam kehidupan seharian. Manakala, kemahiran interpersonal pula membolehkan murid berinteraksi secara berkesan, memahami perasaan orang lain, mengawal emosi, empati, bekerjasama serta menjalin hubungan sosial dengan baik. Kemahiran kepimpinan pula membantu dalam membuat keputusan yang tepat, menjalankan tugas secara beretika dan berintegriti, memimpin rakan sebaya serta melaksanakan tanggungjawab peribadi dan sosial dengan penuh amanah. Kemahiran komunikasi merangkumi kebolehan menyampaikan maklumat dan idea secara jelas melalui proses kemahiran bertutur, menulis dan mendengar. Kemahiran personal terdiri daripada pembelajaran sepanjang hayat, pengurusan masa, motivasi, disiplin, kerjasama dalam kumpulan serta keupayaan menyesuaikan diri. Kemahiran keusahawanan pula meliputi kebolehan menjana idea baharu, mengenal pasti peluang baharu, mengumpul dana keusahawanan, mengurus risiko serta mengendalikan sesuatu perniagaan dengan penuh keuntungan. Kemahiran etika, nilai dan profesionalisme merangkumi pembentukan sifat-sifat terpuji seperti kejujuran, kesabaran, kebenaran, empati serta tingkah laku berintegriti. Maka, dengan ini dapat diketahui bahawa kemahiran-kemahiran insaniah yang ditekankan oleh KPM ini perlu disemai oleh golongan guru sekolah agar murid-murid menjadi modal insan yang seimbang bagi memenuhi aspirasi negara. Kajian yang menjurus kepada elemen insaniah yang bertajuk “Penelitian Elemen Kemahiran Insaniah Dalam *Cheyyulpakkal*: Kajian Dalam Buku Teks Bahasa Tamil Tahun 6” ini berupaya membantu hasrat KPM yang diwar-warkan sejak kebelakangan ini.

Objektif kajian ini ialah:

- i. Menyenarai dan menghuraikan elemen kemahiran insaniah serta atributnya yang dicadangkan dalam Buku Panduan Kemahiran Insaniah IPGM (edisi kemaskini 2022) serta Modul Panduan Praktikum Bahasa Tamil (SJKT) (terbitan Jabatan Pengajian Tamil, IPG Kampus Tuanku Bainun (2025).
- ii. Menganalisis dan menghuraikan elemen kemahiran insaniah serta atributnya yang terkandung dalam *cheyyulpaakal* yang dimuatkan dalam Buku Teks Bahasa Tamil Tahun Enam SJKT (terbitan 2017).

Persoalan kajian pula ialah:

- i. Menyenarai dan menghuraikan elemen kemahiran insaniah serta atributnya yang dicadangkan dalam Buku Panduan Kemahiran Insaniah IPGM (edisi kemaskini 2022) serta Modul Panduan Praktikum Bahasa Tamil (SJKT) (terbitan Jabatan Pengajian Tamil, IPG Kampus Tuanku Bainun (2025).
- ii. Menganalisis dan menghuraikan elemen kemahiran insaniah serta atributnya yang terkandung dalam *cheyyulpaakal* yang dimuatkan dalam Buku Teks Bahasa Tamil Tahun Enam SJKT (terbitan 2017).

Kepentingan kajian ini ialah ia berpotensi menyumbang kepada kemenjadian murid yang diharapkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM). ini kerana berdasarkan Laporan KPM (2006) yang menggariskan bahawa kematangan kognitif dan pengalaman murid akan berlaku secara berperingkat-peringkat. Proses ini akan dipacu oleh pengajaran kemahiran insaniah. Justeru, kajian ini membantu menganalisis kandungan buku teks Bahasa tahun enam bagi mengenal pasti kemahiran insaniah yang terkandung dalam teks puisi yang dikenali sebagai *cheyyulpaakal*. Pengintegrasian kemahiran insaniah dalam buku teks amat diperlukan supaya murid bukan sahaja mendapat pengetahuan tentang kesusasteraan Tamil malah dapat menguasai kemahiran tersebut untuk kehidupan sebenar. Murid-murid wajar menguasai kemahiran insaniah agar dapat menjadi individu yang bertanggungjawab kepada agama, bangsa dan negara disamping, memenuhi harapan negara yang ingin melahirkan pemimpin yang seimbang dari aspek intelek, rohani, emosi dan jasmani.

TINJAUAN LITERATUR

Dalam kajian bertajuk “Unsur Nilai-nilai Moral dalam Buku Teks Bahasa Tamil Tahun Lima Sekolah Kebangsaan,” (Thilipkumar et al., 2022) telah mengenal pasti sebanyak sembilan nilai moral dalam buku teks tersebut iaitu nilai kasih sayang, ketangkasan, kejujuran, sikap tolong-menolong, sikap menghormati, kesihatan, perpaduan, dan sifat berusaha. Ponniammaal (2013) dalam kajiannya bertajuk “Unsur Nilai-nilai Moral dalam Buku Teks Bahasa Tamil Tingkatan Empat” menyatakan bahawa Kurikulum Pendidikan Moral KBSM merangkumi 36 nilai, namun nilai-nilai tersebut didapati tidak diagihkan secara seimbang dalam buku teks bahasa Tamil. Sementara itu, Sharami (2018) dalam kajiannya bertajuk “Kemahiran Berfikir dan Aplikasinya dalam Buku Teks Bahasa Tamil Tingkatan Tiga” mendapati bahawa elemen kemahiran berfikir telah dimasukkan dalam buku teks pada tahap sederhana sahaja yang memadai. Saraswathy (2024) melalui kajian yang bertajuk “Penerapan Nilai Dalam Kurikulum Bahasa Tamil SJKT” mendapati bahawa karya-karya *Auvaiyar* memuatkan nilai kehidupan dan berupaya meningkatkan kemahiran kognitif, kemahiran komunikasi, keyakinan diri dan keharmonian sosial dalam kalangan murid melalui Pendidikan Nilai. Manmohan Johi (2017) dalam kajiannya

menggariskan sembilan komponen kemahiran insaniah utama, iaitu kemahiran kognitif, komunikasi, intrapersonal, sendiri, literasi, numerasi, keusahawanan, kemahiran kerja-sikap-etika, serta kemahiran kepimpinan-membuat keputusan-tanggungjawab, dan menerangkan kepentingan serta implikasinya dalam kehidupan. Manakala, Abdullah (2023) dalam kajiannya menyatakan bahawa kemahiran insaniah menjadi sebagai suatu amalan penting untuk membolehkan murid mengalami masa hadapan yang lebih cerah. Hussein, et al., (2020) dalam kajiannya mendapati tahap pelaksanaan penilaian guru terhadap kemahiran insaniah murid masih berada pada tahap yang rendah.

Walaupun terdapat pelbagai teori psikologi dalam bidang pendidikan, teori rangsangan dan tindak balas yang dipelopori oleh Edward Lee Thorndike (1898–1905) dianggap sebagai teori utama. Intipati, teori ini didapati sepadan dengan kemahiran insaniah yang terkandung dalam komponen *cheyyulpaakal* buku teks. Teori ini sesuai dijadikan sebagai landasan kajian ini kerana kesesuaiannya dengan proses pengajaran, pembelajaran dan penghayatan kemahiran insaniah dalam kalangan murid. Muhammad Hifdil (2015) dari Universiti Islam Zainul Hasan menerusi kajian yang bertajuk “*Thorndike Theory And It's Application In Learning*” yang dimuatkan dalam jurnal *At-Ta'lim* telah membincangkan teori pembelajaran Thorndike yang digunakan dalam kajian ini. Beliau menghubungkan teori rangsangan dan tindak balas Edward Lee Thorndike dengan latar belakang pendidikan dan proses pengajaran dan pembelajaran dalam kalangan pelajar. Faridah (2018) dalam jurnal *Social Science Research* menerusi kajian yang bertajuk “*A Case Study in the Teaching and Learning of Malay Language Among Year 1 Pupils*” juga mengaplikasikan teori ini dalam kajian berkaitan pengajaran bahasa Melayu murid tahun 1. Menurutnya, pengulangan, ganjaran dan penegasan membantu meningkatkan penguasaan suku kata serta mempercepatkan proses pembelajaran secara sistematik.

METADOLOGI KAJIAN

Kajian kualitatif berbentuk deskriptif ini dikendalikan berasaskan analisis teks terhadap buku teks bahasa Tamil. Sebanyak tiga belas puisi klasik *cheyyulpaakal* yang terdiri daripada *thirukkural*, *thiruvartu*, *vetri vetkai*, *muuthurai* dan *nanneri* yang terkandung dalam buku teks bahasa Tamil tahun enam SJKT (terbitan 2017) telah dipilih sebagai data kajian. Kesemua *cheyyulpaakal* yang dipilih disemak semula dalam Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran (DSKP) Bahasa Tamil Tahun Enam (KPM, 2017) bagi mendapat pengesahan dan kebolehpercayaan. Selain itu, bagi memastikan kesahan berkaitan pengaplikasian elemen kemahiran insaniah yang ditinjau dalam kajian ini sebanyak dua dokumen rujukan utama telah dirujuk iaitu Buku Panduan Kemahiran Insaniah IPGM (Edisi 2022) dan Modul Praktikum Bahasa Tamil (SJKT) terbitan Jabatan Pengajian Tamil, IPG Kampus Tuanku Bainun (2025). Kedua-dua dokumen ini merupakan sumber primer. Manakala, artikel, jurnal, laporan penyelidikan dan bahan

ilmiah lain telah digunakan sebagai sumber sekunder. Kajian ini menggunakan dua instrumen iaitu analisis dokumen dan temu bual. Data yang diperoleh menerusi analisis dokumen ditafsirkan dalam senarai semak. Manakala, data yang diperoleh menerusi temu bual dianalisis dengan aplikasi ATLAS.ti. Kajian ini turut menggunakan kaedah temu bual sebagai instrumen bagi mengumpul data. Data yang diperoleh dibandingkan dengan konstruk kemahiran insaniah yang digariskan dalam Buku Panduan Kemahiran Insaniah IPGM dan seterusnya dikaitkan dengan teori rangsangan dan tindak balas oleh Edward Lee Thorndike (1898–1905). Sebanyak tiga belas *cheyyulpaakal* yang dipetik dari buku teks bahasa Tamil SJKT tahun 6 dikategorikan mengikut kemahiran insaniah dan atribut berkaitan dengannya dalam senarai semak. Seterusnya, data analisis dokumen tersebut ditriangulasikan dengan data temu bual yang diperoleh daripada dua orang guru pakar iaitu Encik Sivabalan Thiruchelvan (4 Ogos 2024) dan Puan Nyanakkanni Ramachandran (8 Ogos 2024). Triangulasi antara kedua-dua data tersebut menunjukkan keselarasan, kebolehpercayaan dan kesahan kajian ini.

DAPATAN DAN PERBINCANGAN

Kuplet *thirukkural* “*துப்பார்க்குத் துப்பாய...*” (*thuppaarku thuppaaya*) melihatkan kewujudan kemahiran personal dimana murid yang akan belajar kuplet ini bukan sahaja memperoleh pengetahuan tentang hujan, tetapi turut memahami nilai dan keagungan hujan tersebut. Kesedaran ini mendorong murid untuk menghargai alam semula jadi di sepanjang hayat serta menjadikan mereka sebagai seorang warganegara yang memiliki keperibadian tersendiri. Begitu juga dalam kuplet *thirukkural* “*யாகாவா ராயினும்...*” (*yaakaava raayinum*) yang menonjolkan kemahiran komunikasi, khususnya kesantunan bahasa. Tabiat ini perlu diamalkan oleh murid ketika berinteraksi dengan pihak ketiga agar tidak menyinggung perasaan orang lain. Puisi klasik *thiruvartu* “*கல்வார்க்கும் கற்றவர்க்கும்...*” (*kallaarkum katravarkum*) pula memperlihatkan kemahiran etika, nilai dan profesionalisme dengan jelasnya. Rangkap puisi ini menzahirkan mesej berkaitan kebaikan, ilmu, kebijaksanaan dan nilai mulia yang akan memberi manfaat kepada sejagat manusia sama ada individu yang berpendidikan atau atau sebaliknya.

Kuplet *thirukkural* “*உள்ளத்தால் பொய்யா...*” (*ullatthal poiya*) pula mencerminkan kemahiran etika, nilai dan profesionalisme. Murid yang mempelajari kuplet ini berpeluang untuk mengamalkan nilai kejujuran dan budi pekerti dalam kehidupan mereka. Kuplet *thirukkural* “*செல்வத்துள் செல்வம்...*” (*chelvathul chelvam*) menyatakan bahawa kekayaan yang paling bernilai ialah kemahiran mendengar. Dalam konteks Kemahiran insaniah, kuplet ini menzahirkan kemahiran komunikasi sebagai salah satu keupayaan penting bagi manusia, khususnya kemahiran mendengar secara berkesan sebagai atribut utama dalam komunikasi dua hala. Kemahiran

mendengar yang berkesan membolehkan individu memahami maklumat, membina hubungan sosial yang harmoni, serta menyampaikan respons yang tepat dan bermakna dalam interaksi sesama manusia. Puisi klasik *muuthurai* “நெல்லுக் கிறைத்தநீர்...” (*nelluk kiraitaneer*), mendidik kemahiran etika, nilai dan profesionalisme. Puisi ini turut memupuk semangat kesukarelaan sesama manusia. Di samping itu, para murid yang belajar puisi ini berpeluang untuk mengamalkan sifat ini sepanjang hayat mereka tanpa memikirkan perbezaan individu dari aspek sosial, ekonomi atau politik.


Kuplet thirukkural “வேண்டுதல் வேண்டாமை...” (*vheenduthal vheendamai*) pula menyeru umat manusia agar sentiasa mengingati tapak suci Tuhan yang maha kuasa dengan menyingkirkan hasat dengki dan benci. Menerusi puisi ini, kita dapat mengenal pasti penzahiran **kemahiran personal**. Ini merupakan suatu kemahiran sepanjang hayat yang memiliki potensi tinggi untuk membentuk seseorang individu menjadi insan yang mulia. Menerusi kuplet thirukkural “செயற்கரிய செய்வார்...” (*seyatkariya seivar*), pelajar akan berkembang sebagai individu yang memiliki **pemikiran kritis**. Mereka berpeluang untuk menggunakan **kemahiran kognitif** sebelum memulakan sesuatu tindakan, dengan menilai sama ada sesuatu perbuatan itu merupakan tugas yang sukar, mencabar atau sekadar perkara yang mudah dilakukan. Pendekatan ini membantu pelajar membuat keputusan secara rasional dan berfikir secara mendalam sebelum bertindak.

Puisi klasik, *Vetrivetkai* “ஒருநாட் பழகினும்...” (*orunaat pazhakinum*) mendidik agar kita berkelakuan jujur menerusi **kemahiran personal**. Seseorang yang memiliki **kejujuran dan integriti** akan bersikap ikhlas dalam perhubungan dengan orang lain. Persahabatan yang terjalin juga dianggap bersifat tulen. Menurut puisi klasik ini, persahabatan sedemikian akan kekal lama dan kukuh, diumpamakan seperti akar yang mampu memecahkan tanah keras. Murid yang mempelajari puisi ini juga akan terdorong untuk membina persahabatan yang sejati serta mendalam sepanjang kehidupan mereka. Puisi *nanneri* “தங்குறைதீர் வள்ளார்...” (*thanguraitheer vullar*), pula menyerlahkan **Kemahiran insaniah** seperti **kemahiran kepimpinan, autonomi dan tanggungjawab**. Puisi ini mengajar nilai moral bahawa seseorang harus berusaha demi kesejahteraan masyarakat tanpa mementingkan kepentingan diri sendiri. Murid yang mempelajari puisi ini akan memahami dan menghayati prinsip hidup beretika tersebut. Dalam konteks persekitaran bilik darjah, seorang murid perlu memiliki **kuasa autonomi** khususnya semasa aktiviti berkumpulan. Puisi ini sememangnya mampu membentuk keupayaan tersebut semasa melaksanakan berbincangan atau memberi pandangan atau membuat keputusan berorientasikan kepentingan bersama. Selain itu, puisi ini juga membimbing pelajar untuk menampilkan sifat **kemanusiaan dan empati** dalam pergaulan, sama ada di dalam rumah mahupun di luar rumah.


Puisi “vetrivetkai “நூற்றாண்டு பழகினும்...” (nootraandu pazhakinum), memperlihatkan Kemahiran insaniah seperti **kemahiran kepimpinan, autonomi, tanggungjawab** serta atributnya **keupayaan membuat keputusan yang tepat**. Murid yang mempelajari puisi ini akan belajar untuk memahami seseorang dengan mendalam sebelum memulakan persahabatan. Mereka akan berwaspada sebelum memulakan sesuatu persahabatan dengan meneliti sifat sebenar individu tersebut. Murid akan menggunakan pengetahuan ini agar beretika dan bijaksana dalam membina sesuatu persahabatan baharu dengan menilai etika dan keupayaan seseorang terlebih dahulu.

Kuplet thirukkural “அறிவுடையார் எல்லாம்...” (arivudaiyaar ellam) menyeru agar setiap individu di dunia ini perlu memiliki kekayaan ilmu pengetahuan. Menurutnya kekayaan mengikut kebendaan tidak boleh dianggap sebagai insan yang sempurna melainkan memiliki kekayaan pengetahuan. Puisi ini memperlihatkan **kemahiran kognitif**, serta atributnya **membuat penaakulan**. Puisi ini menekankan kepentingan ilmu pengetahuan sebagai aset paling berharga dalam pembentukan insan yang seimbang dan bermakna dalam kehidupan

Rajah 1
Cheyyulpaakal yang Dipetik Dalam Buku Teks Berdasarkan Tema




Rajah 2
Klasifikasi Cheyyulpaakal dalam Buku Teks Mengikut Peratus



Rajah 3

Kemahiran Insaniah dalam Buku Teks



IMPLIKASI KAJIAN DAN CADANGAN KAJIAN LANJUTAN

Kajian ini akan menjadi panduan kepada guru pelatih yang akan menjalankan praktikum di sekolah kelak, terutamanya ketika membuat perancangan pengajaran harian mereka. Selain itu, Bahagian Buku Teks di bawah Kementerian Pendidikan Malaysia juga dapat menjadikan kajian ini sebagai panduan semasa memilih teks bagi memuatkan dalam buku teks yang akan diterbitkan kelak.

Di samping itu, para murid juga berpeluang untuk mengaplikasikan kemahiran insaniah yang akan dibelajar dalam kehidupan harian mereka. Mereka dapat menjadi murid yang berakhlak mulia, berperikemanusiaan, bertanggungjawab. **Buku teks yang diteliti ini memiliki puisi-puisi klasik seperti thirukkural, tiruvarutpaa, muuthurai, vetrivetkai, dan nanneri. Penelitian ini mendapati thirukkural mendominasi sebahagian besar komponen sastera buku tersebut iaitu lima puisi daripada arathuppal manakala dua puisi daripada porutpal. Buku teks ini akan menjadi pelengkap sekiranya puisi-puisi klasik dari naladiyar, naanmanikkadigai, iniyavai narpathu, inna naarpathu, aasarakovai, thirikatugam, sirupanjamoolam, kainnilai dan ehlathi.**

Selain itu, para ***guru dan murid mungkin menghadapi cabaran untuk memahami puisi-puisi klasik ini kerana laras bahasa yang sukar. Terdapat puisi yang terlalu panjang. Ini akan menyebabkan murid merasa bosan atau kurang fokus Ketika mereka membaca buku tersebut.***

KESIMPULAN

Sebagai kesimpulan, para murid perlu melengkapkan diri dengan kemahiran-kemahiran insaniah seperti pemikiran kreatif, pemikiran penyelidikan, kebolehan menyesuaikan diri dengan persekitaran, dan ketahanan mental. Kajian ini membuktikan terdapat elemen-elemen insaniah diterapkan dalam buku teks menerusi puisi-puisi klasik Tamil. Kemahiran-kemahiran insaniah yang terpancar menerusi *cheyyulppakal* ialah seperti kemahiran personal sebanyak 28.57%. terpancar dalam thirukkural sebanyak 42.87%. dalam puisi vetrivetkai. Kemahiran komunikasi sebanyak 28.57% menerusi puisi thirukkural manakala kemahiran kepimpinan, autonomi, dan tanggungjawab dipancarkan 100% menerusi puisi nanneri. Kemahiran etika, nilai, dan profesionalime terserlah 14.29% dalam puisi thirukkural, 33.33% dalam puisi vetrivetkai dan 100% dalam thiruvarutpa manakala kemahiran kognitif terserlah dalam thirukkural sebanyak 28.57%. Hasil kajian ini jelas menunjukkan bahawa pengajaran kemahiran insaniah melalui puisi-puisi klasik dapat memberi manfaat besar kepada pelajar serta memberi sumbangan yang bermakna kepada masyarakat dan negara.

RUJUKAN

- Abdullah, M. (2023). *Including Soft Skills In The School Curriculum For Secondary School Students*. Researchgate.
- Buku Panduan Kemahiran Insaniah IPGM. (2022). Institut Pendidikan Guru Malaysia.
- Buku Teks Bahasa Tamil SJK(T) Tahun 6. (2017). Multi Educational Book Enterprise. Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Faridah, N. (2018). *A Case Study in the Teaching and Learning of Malay Language Among Year 1 Pupils*. International Islamic University Malaysia.
- Fikri, R. (2019). *Tahap Penguasaan Kemahiran Insahniah Pelajar Sekolah Menengah Di Klang*. Malaysian Online Journal Of Education.
- Hifdil, I. (2015). *Thorndike Theory and It's Application in Learning*. Jurnal Pendidikan At-Ta'lim.
- Hussin, M., Christina, A., Syahrul, S. (2020). *Kesahan Dan Kebolehpercayaan Instrumen Pentaksiran Kemahiran Insaniah Murid (IPKIM) Mata Pelajaran Rekacipta*. International Journal of Education, Psychology and Counseling
- Manmohan, J. (2017). *Soft Skills*. Bookboon Company
- Modul Panduan Praktikum Bahasa Tamil (SJKT). (2025). IPG Kampus Tuanku Bainun
- Ponniammaal, M. (2013). *Unsur Nilai-nilai Moral dalam Buku Teks Bahasa Tamil Tingkatan Empat*. 10th WTTC Papers.

- Sharami, S. (2018). *Kemahiran Berfikir dan Aplikasinya dalam Buku Teks Bahasa Tamil Tingkatan Tiga*. Muallim Journal of Social Sciences and Humanities
- Thilipkumar, A., Theventhiran, S. (2022). *Unsur Nilai-nilai Moral dalam Buku Teks Bahasa Tamil Tahun Lima Sekolah Kebangsaan*. International E_Journal of Tamil Studies.
- Thorndike, E. L. (1898). *Animal Intelligence: An Experimental Study Of The Associative Processes In Animals*. The Macmillan Company.